PERATURAN PEMARKAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

PENDIDIKAN AL QURAN DAN AS SUNAH TAHUN 2020

**BAHAGIAN A**

| SOALAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JAWABAN | B | C | C | C | D | C | B | D | C | C | B | A | D | D | C | D | A | A | B | A |

**BAHAGIAN B**

<table>
<tr><th colspan="2">SOALAN<br>1</th><th>CONTOH JAWABAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>a</td><td>i</td><td>ترغكن ساتو اينتيساري درڤد ڤتيقن سورة دأتس.<br>Allah menjanjikan kejayaan dan balasan syurga kepada orang yang beriman yang mendirikan solat dengan kyusuk , menjauhkan perkara yang sia-sia dll.</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>ياتكن حکوم تجويد باݢي کلمة يغ برݢاريس دباوه<br><br>.a | صَلَاتِهِمْ خَـٰشِعُونَ ۝٢ | مد عارض للسكون<br>.b | وَرَآءَ ذَٰلِكَ | مد واجب متصل<br>.c | وَٱلَّذِينَ هُمْ | ال الشمسية<br>.d | وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ | اظهار شفوي</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>جلسکن دوا جارا منجاءوهي ڤرکارا يغ سيا – سيا<br>- Melakukan perkara yang berfaedah seperti melibatkan diri dalam aktiviti pesatuan kelab beruniform dan lain-lain.<br>- Sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan diri dengan melakukan kebaikan serta mengelak perbuatan yang sia-sia.<br>- Mengelak diri dari bergaul dengan rakan – rakan yang suka berpeleseran supaya kita tidak terpengaruh dengan perbuatan mereka.<br>- Mana –mana jawaban yang munasabah</td><td>2 x 2m</td></tr>
<tr><td>b</td><td>i</td><td>ياتاکن مقصود ڤوتوغن حديث يغ برݢاريس دأتس<br><br>Maksud hadis : لَنْ تَضِلُّوا ما تَمَسَّكْتُم بهما<br>Orang yang berpegang teguh dengan al Quran dan Assunah tidak akan sesat dalam kehidupan mereka.</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>Ii</td><td>جلسکن کڤنتيغن اومت إسلام اوتوق برڤݢڠ تݢوه دغن القرءان دان السنة ددالم کهيدوڤن مريك<br>- AlQuran adalah panduan hidup manusia, yang mampu membimbing manusia ke jalan yang benar.<br>- Kedua-duanya adalah sumber ilmu dalam memahami agama kerana ianya merangkumi segala aspek kehidupan manusia</td><td>2 x 2m</td></tr>
</table>



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

<table>
<tr><td></td><td></td><td>- Mengelak perselisihan pendapat dan pepecahan di kalangan umat Islam kerana keduanya sumber rujukan utama dalam menyelesaikan masalah ummah.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>القرءان مروڤاكن سومبر هداية , جلسكن باݢايمانكه جارا أونتوق أندا منداڤتكنڽ بسرتا هوراين , دليل دان روموسن<br><br>
<table>
<tr><td colspan="2">Salah satu cara untuk mendapatkan hidayah ialah :</td></tr>
<tr><td>Isi/fakta</td><td>Membudayakan membaca al-quran sebagai rutin harian.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Kerana ia dapat menjadi benteng kepada perkara – perkara mungkar.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>Berdasarkan firman Allah :<br>ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ٢</td></tr>
<tr><td>Rumusan</td><td>Oleh itu , kita mestilah melazimi membaca dan menghayati Al Quran supaya Berjaya hidup di dunia dan di akhirat.</td></tr>
</table>
</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><td colspan="2">Soalan 2</td><td>Contoh Jawaban</td><td>markah</td></tr>
<tr><td>a</td><td>i</td><td>ياتكن حکومن حد كأتس ڤنديندا محصن دان ڤنديندا غير محصن<br><br>محصن: Direjam sehinggan mati<br><br>عير محصن:Disebat 100 kali dan dibuang daerah setahun</td><td>2 x 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>کلواركن درڤد ايات دأتس حکوم تجويد بريکوت<br>
<table>
<tr><td>سُورَةٌ أَنزَلۡنَٰهَا , مِّنۡهُمَا</td><td>أظهار حلقى</td><td>a</td></tr>
<tr><td>فِيهَآ ءَايَٰتٍ</td><td>مد جأيز منفصل</td><td>b</td></tr>
<tr><td>وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ</td><td>ال القمرية</td><td>c</td></tr>
<tr><td>فَٱجۡلِدُواْ</td><td>قلقلة الصغرى</td><td>d</td></tr>
</table>
</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>برداسركن كمبر دأتس , اڤكه حکمة ڤلقسانأن حکومن ترسبوت بسرتا هوراين حجة دان روموسن.<br>
<table>
<tr><td colspan="2">Hikmah Pelaksanaan hukuman tersebut ialah</td></tr>
<tr><td>Isi/Fakta</td><td>Perbuatan maksiat terutama zina dapat dikurangkan</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Kerana pelaksanaan hukuman yang berat ini mampu melahirkan perasaan takut dan gerun dari melakukan perbuatan tersebut.</td></tr>
<tr><td>Hujjah/Dalil</td><td>Firman Allah s.w.t<br>اولا تقربوا الزنا</td></tr>
<tr><td>Rumusan</td><td>Oleh itu , kita hendaklah berusaha untuk menghindari diri kita dan keluarga dari perbuatan zina.</td></tr>
</table>
</td><td>4 x 1m</td></tr>
</table>



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

| | | | |
|---|---|---|---|
| b | i | اڤكه مقصود ڤوتوڠن حديث يڠ بركاريس دأتس<br>الإِيمَانُ بِاللهِ وَالْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ .<br>-Beriman pada Allah dan berjihad pada jalannya. | 1 x 2m |
| | ii | ايكونومي اداله انتارا بيدڠ جهاد يڠ مستي دكواساءي دالم سسبواه نكارا, ترڠكن دوا جارا برجهاد دالم بيدڠ ترسبوت<br>- Mempertingkatkan taraf ekonomi umat Islam supaya kehidupan menjadi lebih sempurna<br>- Membahagikan sumber ekonomi secara adil supaya wujud kesamarataan di Kalangan masyarakat.<br>- Mengamalkan system ekonomi Islam supaya muamalah dapat dilaksanakan mengikut syariat.<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah | 2 x 2m |
| | Iii | جلسكن دوا ڤڠاجرن داري حديث دأتس<br>- Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan keimanan kepada Allah dalam apa jua cara seperti melalui ibadah dan lain-lain.<br>- Kita hendaklah berusaha menegakkan syariat Allah dimuka bumi dengan melaksanakan perintahNya<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah | 2 x 2m |
| **Soalan 3** | | **Contoh Jawaban** | **markah** |
| a | i | ترڠكن ڤڠرتين ڤركاتأن بريكوت منوروت اصطلاح:<br>معجزة حسي<br>Mukjizat Hissi ialah mukjizat yang boleh diketahui melalui pancaindera seperti Rasulallah s.a.w membelah bulan dengan tangan , tongkat Nabi Musa dll. | 1 x 2m |
| | ii | تفسير بالرأي<br>Tafsir Bi Ra'yi ialah tafsir ayat –ayat al Quran kebanyakannya menurut pendapat atau ijtihad ulamak tafsir | 1 x 2m |
| b | | سنارايكن دوا صفة القرءان<br>Dua sifat al Quran ialah :<br>Mana – mana dua daripada sifat berikut : al Mubin , al huda ,ar rahmah , anNur | 2 x 1m |
| C | | هورايكن دوا حكمة القرءان دتورونكن سچارا برانسور – انسور<br>Dua hikmah al Quran diturunkan secara beransur – ansur ialah :<br>- Asbab nuzul sebagai menjawab persoalan yang dikemukakan kepada Rasulallah s.a.w<br>- Bukti al Quran daripada Allah s.w.t<br>- Motivasi untuk memantapkan hati baginda Rasulallah s.a.w yang terpaksa menempuh rintangan dalam menyampaikan dakwah<br>- Supaya manusia bersiap sedia menerima syariat Allah | 2 x 2m |
| d | | ياتاكن دوا جيري – جيري ڤربيداءن انتارا ايات مكية دان ايات مدنية | |



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

<table>
<tr><td></td><td></td><td>Dua ciri perbezaan antara ayat makkiah dengan madaniah<br><table><tr><td>Ayat Makkiah</td><td>Ayat Madaniah</td></tr><tr><td>Ayat nya pendek - pendek</td><td>Kebanyakkan ayat adalah panjang</td></tr><tr><td>Dimulakan dengan يأيها الناس</td><td>Dimulakan dengan يأيهالدين امنوا</td></tr><tr><td>Menceritakan kisah umat terdahulu</td><td>Menceritakan kisah ahli kitab dan golongan munafik</td></tr><tr><td>Dimulakan dengan huruf Hijaiyyah</td><td>Tiada dimulakan dengan huruf hijaiyyah</td></tr></table></td><td>2 x 2m</td></tr>
<tr><td>e</td><td></td><td>سناراکن دوا سورة يڠ دکولوڠکن دالم کيتڬوري سورة مکية<br>Dua surah yang tergolong dalam kategori surah makkiyah ialah :<br>- Surah Yaasiin<br>- Al Ikhlas<br>- Annas<br>- Al Falak dll</td><td>2 x 1m</td></tr>
<tr><td>f</td><td></td><td>جلسکن مڠاڤ زيد مڠوڠکڤکن کات – کات دأتس بسرتا هوراين دليل دان روموسن<br><table><tr><td colspan="2">Zaid mengungkapkan kata-kata di atas kerana</td></tr><tr><td>Isi/fakta</td><td>Tugas mengumpul al Quran adalah tugas yang sangat berat</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Kerana Rasulallah s.a.w tidak pernah melakukan sebelum ini</td></tr><tr><td>Dalil</td><td>Hadith Rasulallah ............ تركت فيكم امرين</td></tr><tr><td>Rumusan</td><td>Oleh itu umat Islam wajib menjaga dan membaca al Quran selalu kerana ianya adalah panduan hidup manusia.</td></tr></table><br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><th colspan="2">Soalan 4</th><th>Contoh Jawaban</th><th>markah</th></tr>
<tr><td>a</td><td>i</td><td>ياتاکن ڤڠرتين استيلة بريکوت:<br>حديث موقوف<br>Hadith maukuf ialah setiap perkataan dan perbuatan yang disandarkan kepada sahabat tanpa dikaitkan dengan Rasulallah s.a.w</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td>b</td><td>ii</td><td>ضابط حفظ<br>Dhabit Hifzi ialah mereka/perawi yang kuat daya ingatan</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td>b</td><td></td><td>□ □ عادل مروڤاکن ساله ساتو شرط حديث صحيح. ياتاکن امڤت شرط عادل دالم منتوکن سسواتو حديث ايت صحيح<br>Empat syarat adil ialah ;<br>- Islam<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Tidak Fasik<br>- Tidak melakukan perbuatan aib</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><td>c</td><td></td><td>جلسکن بهاڬين حديث صحيح</td><td>2 x 1m</td></tr>
</table>



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

<table>
<tr><td></td><td></td><td>Bahagian hadith sahih ialah ;<br>- صحيح لداته<br>- صحيح لغيره</td><td></td></tr>
<tr><td>d</td><td>i</td><td>ياتاكن مقصود حديث مرسل<br>Hadith mursal ialah perkataan dan perbuatan yang disandarkan oleh tabiin kepada Rasulallah s.a.w tanpa menyebut/ gugur nama sahabat.</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>جلسكن دوا شرط اونتوق برعمل دڠن حديث مرسل<br>Dua syarat untuk beramal dengan hadith mursal ialah :<br>- Hendaklah disokong hadis berkenaan dengan sanad lain yang bermartabat sahih dan hasan<br>- Hendaklah diriwayatkan secara makna mennerusi seorang perawi lain yang tidak mengambil sanad dari sheikh yang sama<br>- Menepati kata-kata (fatwa) atau perbuatan sebahagian sahabat.<br>- Diamalkan oleh sebahagian ulama’ hadis dan fukaha’<br>- Menepati dengan kaedah qias.<br>-</td><td>2 x 2m</td></tr>
<tr><td>e</td><td></td><td>كموكاكن ڤنداڤت اندا تنتڠ كاداءن مشاركت إسلام هاري اين سكيراڽ تيادا لاكي علماء يڠ مڠواساءي دالم بيدڠ حديث.هورايكن حجه اندا اونتوق ممبوقتيكنڽ<br><table><tr><td colspan="2">Keadaan masyarakat Islam sekiranya tiada lagi ulama yang menguasai hadis ialah</td></tr><tr><td>Isi/fakta</td><td>Masyarakat tidak akan tahu kebenaran hadis Rasulallah s.a.</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Disebabkan jarak mereka yang jauh dari zaman Rasulallah s.a.w</td></tr><tr><td>HL</td><td>Ini dibuktikan apabila pada kurun ke2 telah muncul hadis palsu yang disebar oleh golongan yang tidak bertanggungjawab</td></tr><tr><td>Rumusan</td><td>Oleh itu kita hendaklah memantapkan sebaik mungkin segala usaha yang dilakukan oleh ulama hadith untuk memastikan masyarakat beramal dengan hadith yang sahih</td></tr></table><br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima</td><td>4 x 1m</td></tr>
<tr><th colspan="2">Soalan 5</th><th>Contoh jawaban</th><th>markah</th></tr>
<tr><td>a</td><td>i</td><td>جلسكن مقصود تمڤت ريكرياسي منوروت ڤندڠن إسلام<br>Tempat Rekriasi ialah tempat untuk melakukan kegiatan yang menyeronokkan bagi menyegar kembali kesihatan badan serta melapangkan fikiran seperti beristirehat dan beriadah.</td><td>1 x 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>مڠاڤاكه تمڤت ريكرياسي ڤنتيڠ دالم كهيدوڤن مشاركت ماس كيني<br>Tempat rekriasi penting dalam kehidupan masyarakat kerana:<br>- Membolehkan orang ramai melakukan aktiviti seperti senaman atau berjogging<br>- Memberi kemudahan melakukan aktiviti lasak seperti menjejak hutan<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima</td><td>1 x 2m</td></tr>
</table>



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Iii | سنارايکن دوا ادب د تمڤت ريکرياسي<br>- Tidak mengganggu ketenteraman orang lain seperti bising atau maelakukan perbuatan yang tidak baik<br>- Memelihara dan memelihara alam sekitar seperti menjaga kebersihan<br>- Penggunaan yang betul segala alatan dan kemudahan awam yang disediakan untuk mengelak kesukaran dan kesusahan kepada pengguna.<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima<br>- | 2 x 1m |
| b | i | Cara menjaga perkara berikut dengan betul ialah :<br>a. Air – tidak membuang sisa/sampah atau kekotoran ke dalam sungai atau punca air yang boleh menyebabkan pencemaran air/mendedahkan pengguna kepada penyakit<br>b. Udara – tidak melakukan pembakaran terbuka , mengamalkan perkongsian kereta mengurangkan karbon monoksida di jalanraya yang menjejaskan kesihatan manusia<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima | 2 x 2m |
| | ii | Dua kegunaan alam terhadap manusia ialah :<br>- Sebagai tempat mencari rezeki seperti dilautan menangkap ikan dll<br>- Sumber ekonomi negara seperti hasil petroleum , balak dll<br>- Tempat kehidupan bagi manusia untuk melaksanakan syariat Allah<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima | 2 x 1m |
| b | i | Dua ciri pemimpin yang baik ialah ;<br>- Berpegang teguh kepada ajaran agama<br>- Mengutamakan kepentingan rakyat dari kepentingan peribadi<br>- Memiliki sifat – sifat yang baik seperti bertanggungjawab , amanah , jujur dll.<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima | 2 x 1m |
| | ii | اڤکه يڠ برلاکو سکيراڽ کيتا ملنتيك ڤميمڤين دکالڠن اورڠ ڤاسق<br>- Sekiranya kita golongan yang fasik dilantik sebagai pemimpin maka akan bercelarulah kepimpinan negara kerana ia ditadbirkan oleh pemimpin yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab.<br>- Negara akan berhadapan dengan berbagai masalah seperti peningkatan jenayah , masalah social dan lain-lain kerana kecuaian pemimpin tersebut dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab.<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima | 1 x 2m |
| | iii | Sikap sahabat terhadap kepimpinan Rasulallah s.a.w ialah;<br>- Taat kepada kepimpinan Rasulallah s.a.w kerana ianya dikira sebagai ibadah<br>- Mengelak daripada melukakan hati Rasulallah s.a.w samada perkataan maupun perbuatan<br>- Sentiasa bersangka baik terhadap Rasulallah s.a.w dan tidak mempersoalkan tindakan dan arahan Rasulallah s.a.w<br>- Dan mana-mana jawaban yang munasabah diterima | 2 x 2m |



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Soalan 6** | | **Contoh jawaban** | **markah** |
| a | | Dua sumber ekonomi pada zaman khilafa' ar rasyidin ialah :<br>- Zakat<br>- Jizyah<br>- Usyur<br>- Ghanimah<br>- Al Fai<br>Dll | 2 x 1m |
| b | | Dua peraturan penggunaan tanah pertaniah pada zaman khalifah Umar ialah<br>- Setiap pemilik tanah diberi tempoh tiga tahun untuk mengusahakan tanah mereka<br>- Tanah yang gagal diusahakan akan ditarik oleh kerajaan<br>- Tentera tidak boleh memiliki tanah bagi kawasan yang baru dibuka | 2 x 2m |
| c | i | - Al Khawarizmi , al Batani ,Umar Khayyam, Thabit Bin Qurrah | 1 x 1m |
| | Ii | - Ibnu Sina , ar Radzi , Jabir Bin Hayyan , al Biruni | 1 x 1m |
| d | | Faedah mempelajari ilmu matematik dan sains ialah ;<br>- Mengetahui waktu solat<br>- Mengetahui perkiraan zakat<br>- Menentukan arah kiblat<br>- Berjaya membuat penemuan ubat-ubatan | 2 x 2m |
| e | | Dua factor Samudera Pasai muncul sebagai pusat islam di nusantara ialah ;<br>- Melalui aktiviti perdagangan keran keistimewaan Pasai yang terletak dilaluan pedagang timur dan barat.<br>- Mempunyai kekutan tentera yang kuat dan digeruni<br>- Keilmuan sultan malikus soleh yang bermazhab Syafie<br>- Pengiktirafan daripada Syarif Mekah terhadap kerajaan Islam Pasai yang membenarkan raja menggunakan gelaran sultan.<br>- | 2 x 2m |
| f | | - Belajar bersungguh – sungguh sehingga menjadi orang yang berguna kepada masyarakat.<br>- Mencintai ilmu dan sanggup berkorban apa sahaja demi mencari ilmu pengetahuan | 2 x 2m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



5227/1 (PP)© 2020 *Hak Cipta Panitia Pendidikan Al – Quran dan Al-Sunnah*